

## 181 Pelajar UPM sertai Program Kesedaran Penyakit Buah Pinggang



Dato' Sri Liow Tiong Lai menunjukkan poster kempen buah pinggang kepada wartawan.

**SERDANG, 12 Mac –** 181 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) menyertai acara konvoi berbasikal dan bermotosikal serta berjalan kaki bagi menyokong Kempen Kesedaran Penyakit Buah Pinggang sempena Hari Buah Pinggang Sedunia Peringkat Kebangsaan 2009 di Hospital Serdang baru-baru ini.

Pensyarah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Prof. Madya Dr. Latiffah A. Latiff berkata 51 pelajar UPM berbasikal bermula di Hospital Serdang ke pintu utama UPM.

"50 pelajar berjalan kaki mengedarkan risalah kepada orang ramai mengenai penyakit berkaian buah pinggang untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan fungsi dan pencegahan kerosakan buah pinggang.

"Manakala 80 pelajar lain menyertai konvoi motosikal yang bermula di Hospital Serdang hingga ke Bangi sebelum kembali semula ke hospital," katanya.

Beliau berkata acara basikal dan motosikal dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. Tai Shzee Yew pada 7.30 pagi.

Program Kesedaran Penyakit Buah Pinggang itu merupakan program anjuran Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia dan Persatuan Nefrologi Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia.

Aktiviti lain yang dianjurkan ialah kaunseling pemakanan, pameran kesihatan, pertandingan mewarna, unit pemeriksaan kesihatan bergerak selain aktiviti motorthon dan basikalthon.

Majlis perasmian Hari Buah Pinggang Sedunia dirasmikan Menteri Kesihatan Malaysia, Dato' Sri Liow Tiong Lai dan turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Mohd Ismail Merican dan Presiden Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia, Tan Sri Dato' Dr. Abu Bakar Soleiman.

Selain Dr. Tai, Timbalan Naib Canselor UPM yang hadir pada majlis tersebut ialah Prof. Dr. Abu Bakar Saleh (Penyelidikan dan Inovasi) dan Prof. Dr. Azali Mohamed (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).



Prof. Dr. Abu Bakar Salleh(tengah), Prof. Dr. Azali Mohamed (berbeju batik merah), Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Prof. Dr. Azhar Md Zain (enam dari kiri) dan Prof. Madya Dr. Latiffah A. Latiff (tiga dari kiri) bergambar bersama pelajar selepas aktiviti berbasikal dan bermotosikal.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.